

CABARAN DAN ISU DALAM PERKEMBANGAN DAKWAH GERAKAN ISLAM DI MALAYSIA TAHUN, 1957-2000

CHALLENGES AND ISSUES IN THE DEVELOPMENTS DA'WAH OF ISLAMIC MOVEMENT IN MALAYSIA YEAR, 1957-2000

Siti Ruzana Ab Ghani ^{1*}, Rahilah Omar ², Azlizan Mat Enh ³, dan Russli Kamaruddin ⁴

¹Pelajar Doktor Falsafah, Program Sejarah, Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, sitiruzana@yahoo.com.

²Pensyarah Kanan, Program Sejarah, Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, rahilah@ukm.edu.my.

³Professor. Madya, Program Sejarah, Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, azlizan@ukm.edu.my.

⁴Pensyarah Kanan, Program Sains Politik, Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kebangsaan Malaysia, russli@ukm.edu.my.

* Siti Ruzana Ab Ghani

Artikel diterima: 23 Mei 2020 | Selepas Pembetulan: 22 Jun 2020 | Diterima untuk terbit: 6 Julai 2020

Abstrak

Gelombang kebangkitan Islam di dunia Islam telah memberi ruang kepada perkembangan dakwah gerakan Islam di Malaysia. Masyarakat Islam di Malaysia khususnya masyarakat Melayu menyedari akan kepentingan menghayati Islam sebagai agama yang lengkap dan menyeluruh dalam aspek kehidupan. Pelbagai usaha dakwah dan penyebaran kefahaman Islam dilakukan kepada masyarakat khususnya masyarakat Melayu. Sehubungan dengan itu, artikel ini membincangkan cabaran dan isu dalam perkembangan dakwah gerakan Islam di Malaysia, 1957-2000. Objektif kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti cabaran dan isu yang dihadapi oleh gerakan Islam dalam berdakwah antara tahun 1957-2000. Fokus kajian adalah terhadap pertubuhan gerakan-gerakan Islam PAS, ABIM dan JIM yang berdakwah kepada masyarakat Melayu di Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan disiplin sejarah yang memberikan tumpuan terhadap sumber-sumber primer dari arkib gerakan-gerakan Islam dan sumber-sumber sekunder. Hasil kajian mendapati pelbagai cabaran dakwah yang ditempuhi dalam perkembangan dakwah gerakan-gerakan Islam bagi menegakkan syiar Islam. Perbezaan aliran-aliran dalam setiap gerakan tidak menjadi halangan kepada matlamat perjuangan yang sama untuk berdakwah kepada masyarakat Islam di Malaysia khususnya masyarakat Melayu. Gerakan-gerakan Islam menjadikan pelbagai cabaran dan isu yang dihadapi sebagai proses memantapkan dan mematangkan perjuangan sebagai gerakan dakwah.

Kata kunci:

Sejarah, Gerakan Dakwah, Pendekatan, Perjuangan, Masyarakat Melayu

Abstract

The wave of Islamic revival in the Islamic world has given way to the development of the Islamic movement in Malaysia. The Muslim community in Malaysia, especially the Malays realize the importance of embracing Islam as a religion of complete and comprehensive aspects of life. Efforts propaganda and the spread of Islam done to the people, especially the Malays. Accordingly, this article discusses the challenges and issues in the development of the Islamic movement in Malaysia, 1957-2000. The objective of this study was to identify the challenges and issues faced by the Islamic movement in preaching between 1957-2000. The focus of the study is the establishment of Islamic movements PAS, ABIM and JIM are preaching to the Malay community in Malaysia. This study uses a historical discipline approach that focuses on primary sources from archives of Islamic movements and secondary sources. The results of the study revealed various challenges faced by the development of Islamic movements in support of Islamic law. The difference flows in the movement do not become obstacles to the common struggle to preach to Muslims in Malaysia, especially the Malays. Islamic movements make the various challenges and issues faced as a process of strengthening and bringing about the struggle as a missionary movement.

Keywords:

History, Preaching Movement, Approach, Struggle, Malay Society

1. Pendahuluan

Artikel ini akan membincangkan cabaran dan isu dalam perkembangan dakwah gerakan Islam di Malaysia, 1957-2000 khususnya dalam gerakan-gerakan Islam PAS, ABIM dan JIM. Perkembangan dakwah gerakan Islam di Malaysia telah bermula sebelum kemerdekaan di capai lagi. Keadaan tanah air yang dijajah mendesak masyarakat Melayu memperjuangkan kebebasan negara dari cengkaman penjajah melalui kaedah perjuangan etnik keMelayuan dan keagamaan. Hal ini kerana Melayu dan Islam merupakan dua entiti yang saling berkait rapat setelah kedatangan Islam. Islam telah merubah sosio budaya hidup orang-orang Melayu (Mohammad Redzuan 2005).

Kedatangan Islam ke Tanah Melayu jelas telah membawa pengaruh yang cukup besar kepada masyarakat Melayu. Islam yang tersebar ke seluruh Tanah Melayu melalui beberapa faktor telah berjaya merubah kepercayaan, pemikiran dan cara hidup orang-orang Melayu sehingga membentuk satu peradaban Melayu yang berbeza dengan sebelumnya. Pengaruh Islam ini terus berkembang dengan baik dalam tempoh yang agak lama. Namun begitu pengaruh Islam telah terjejas apabila pihak Barat datang menjajah. Sebelum kemerdekaan, kedatangan penjajah dengan membawa Bersama Gerakan Kristianisasi di samping proses sekularisasi telah menjadi ancaman kepada perkembangan dakwah di negara ini. Penguasaan Portugal ke atas Melaka telah menyediakan pangkalan dan pusat bagi menyebarkan agama Kristian di rantau ini. Kehadiran kuasa Portugal di Melaka bukan sahaja menjadi ancaman kepada perkembangan ekonomi orang Melayu, malahan turut menggugat kesinambungan amalan agama mereka (Kassim 2002).

Manakala penjajah British atau Inggeris pula dilihat telah berjaya mencampuri urusan hal-ehwal orang-orang Melayu dengan memperkenalkan dasar-dasar Barat menerusi sistem Residen. Akibatnya nilai-nilai tradisi dan agama Islam yang mewarnai politik, perundangan, ekonomi dan pendidikan dalam masyarakat Melayu semakin terhakis dan terpisah. Ini kerana penjajahan Inggeris seringkali dikaitkan dengan mesej '*Gold, Glory and Gold*'. Walaupun penjajahan Inggeris telah menjejaskan pengaruh Islam dan membantutkan perkembangannya dalam pelbagai aspek, namun dari aspek kepercayaan dan pegangan akidah orang-orang Melayu tidak terjejas dan tetap dipertahankan. Akidah Islam yang sudah tertanam dalam diri dan sehati dengan jiwa orang Melayu sejak sekian lama telah membangkitkan kesedaran dan semangat dalam kalangan mereka untuk berjuang menentang penjajahan Barat ini sehinggalah membawa kepada kemerdekaan tanah air pada tahun 1957 (Yusof Rawa 1985).

Namun begitu, perjuangan orang-orang Melayu dalam usaha mendapatkan kemerdekaan sehinggalah negara mencapai kemerdekaan telah didokong oleh kumpulan gerakan yang bersifat nasionalis keMelayuan dan bersifat keagamaan (William Roff 1975). Hal ini kerana kumpulan yang bersifat keMelayuan telah mendapat pendidikan Barat dan bekerjasama dengan British berbanding yang bersifat keagamaan berjuang atas landasan Islam (Azmi 2010). British pula telah meninggalkan warisannya yang memberi kesan jangka panjang kepada perkembangan Islam iaitu semangat nasionalisme. Tampuk pentadbiran pimpinan dan pemerintahan dikuasai oleh golongan nasionalis dengan meninggalkan para Islamism. Agenda ini telah memberi kesan dalam melambatkan proses kebangkitan Islam dan dakwah. Nasionalisme ini telah menjadi senjata dan benteng yang berkesan menyekat arus perkembangan dakwah, bukan sahaja di negara ini, tetapi juga di negara-negara Islam yang lain yang dijajah oleh kuasa British. Sehingga kini, kewujudan nasionalisme dan para nasionalis merupakan cabaran yang terpaksa dilalui dalam konteks perjalanan dakwah gerakan Islam kepada masyarakat Melayu di negara ini. Penjajahan ini telah membawa kepada senario dalam perkembangan dakwah gerakan Islam terhadap masyarakat Melayu selepas merdeka (Ibrahim et.al 2017). Implikasinya, membawa kepada perebut pengaruh dan kuasa bagi mewakili masyarakat Melayu dalam mentadbir negara kerana perbezaan pendekatan dalam perjuangan (Zulkiple dan Muhammad Faisal 2008).

Perkembangan kebangkitan Islam oleh gerakan-gerakan Islam di dunia Islam telah menyuntik semangat kepada perjuangan gerakan kumpulan keagamaan di Malaysia. Bertitik tolak daripada ini maka muncul gerakan-gerakan keagamaan atau dikenali gerakan dakwah Islam yang bergerak menjalankan aktiviti perjuangan Islamiah. Antara gerakan Islam yang aktif bergerak menyampaikan dakwah kepada masyarakat adalah gerakan-gerakan Islam PAS, ABIM dan JIM. Oleh itu, timbul cabaran dakwah dalam memperjuangkan Islam. Cabaran dakwah sebelum merdeka adalah lebih sedikit kerana bilangan penduduk yang masih kurang mengikut kaum (Abdul Rahman 1998).

Perkembangan dakwah selepas merdeka menampakkan pelbagai cabaran dan isu yang lebih kompleks dengan pertambahan jumlah penduduk disertai keragaman yang di dakwah, juga lain-lain perkembangan baru termasuklah teknologi informasi yang membawa bersama nilai-nilai tertentu (Jurnal Pengajian Islam 2017). Hal ini merupakan cabaran yang terpaksa dihadapi dengan pendekatan yang berhikmah oleh para pendakwah. Kegagalan menangani cabaran dan isu dengan berhikmah akan

memberi impak negatif kepada pendakwah. Justeru, pendakwah mestilah mempunyai bekalan dakwah yang cukup dan bersedia dalam menempuh cabaran dan isu dalam berdakwah khususnya kepada masyarakat Melayu di Malaysia (Anwar 2004). Namun begitu, gerakan-gerakan Islam di Malaysia sentiasa berusaha dalam mengharungi perjuangan sebagai gerakan dakwah kerana terdapat cabaran dan isu terutamanya dari kemajuan dan pemodenan Barat (Badlihisam 1999). Sejauhmanakah gerakan-gerakan Islam PAS, ABIM dan JIM ini menghadapi pelbagai bentuk cabaran dan isu yang timbul mengikut perkembangan zaman atau masa yang berbeza dalam perkembangan dakwah di Malaysia sehingga tahun 2000.

2. Cabaran Dalam Gerakan Islam PAS, ABIM dan JIM di Malaysia (1957-2000)

Dekad 1990-an yang dikenali sebagai era perubahan global yang drastik dalam politik, ekonomi, sains dan teknologi. Barat telah mengambil kesempatan ini untuk melemahkan kekuatan gerakan Islam dan memecahkan kesatuan mereka di peringkat antarabangsa termasuklah di Malaysia. Ini kerana negara-negara Islam bergantung kepada kuasa politik, ekonomi dan kecanggihan teknologi maklumat mereka (Utusan Melayu 2016). Kuasa barat terutamanya Amerika Syarikat bertambah kukuh dengan jatuhnya rejim komunis di Eropah Timur dan lemahnya negara-negara Islam, terutamanya di Timur Tengah. Krisis perang Teluk telah membawa kepada perpecahan gerakan Islam iaitu yang menyokong dan menentang Saddam (Kenyataan Akhbar 1993). Menurut Richard Nixon menulis dalam bukunya, *Seize the Moment: America's Challenge in A One Superpower World* menyarankan supaya memantau perkembangan hal ehwal kepimpinan empat buah negara Islam yang penting, iaitu Turki, Mesir, Pakistan dan Indonesia. Pemantauan ini bertujuan untuk memastikan kepimpinan negara, sosiobudaya serta ekonominya sentiasa bergantung kepada Barat (Berita ABIM bil 6/1993). Ini kerana kuasa Barat bimbang dengan kebangkitan gerakan Islam di Asia yang pernah menjadi satu daerah bertarung dengan penjajah Barat akan bangkit kuasa baru yang menyaingi Barat. Sesetengah penganalisis berpendapat sekiranya gerakan Islam tidak digembleng maka sudah tentu masyarakat Islam mampu membentuk wajah baru dunia (Anwar Ibrahim 1997). Kesan daripada kebangkitan Islam di dunia Islam yang menentang Barat telah memberi kekuatan kepada gerakan-gerakan Islam di Malaysia (Utusan Melayu 2016).

2.1 Pendekatan Dalam Gerakan Islam

Cabaran yang dihadapi dalam berdakwah sejak daripada sebelum merdeka sehingga sekarang antara gerakan Islam di Malaysia adalah isu pendekatan. Gerakan Islam masih tidak bersepakat terutamanya dalam soal keutamaan bekerjasama dalam perjuangan menegakkan Islam sebagai suatu cara hidup. Pendekatan sederhana gerakan Islam sebagai badan-badan dakwah seperti ABIM dan JIM terpaksa berhadapan dengan pendekatan radikal-emosi PAS. Pada sesetengah keadaan berlaku fitnah, tuduh menuduh dan sengketa antara dua pendekatan tersebut Malah sanggup pula mendedahkan kelemahan pesaing kepada pihak lawan (Laporan Tahunan PAS 1999). PAS berpendapat bahawa semua gerakan dakwah tanah air mesti memberi sokongan politik kepadanya, bukan kepada sebuah parti nasional sekular seperti UMNO. Pendapat tersebut tidak selaras dengan kebebasan berdakwah ketika itu yang bebas daripada ikatan dengan kepolitikan dan gerakan dakwah pula

bersedia memberi kerjasama dalam memajukan dakwah selagi ada ruang untuk membuat perubahan, terutamanya dalam kerajaan (Nik Aziz 1996). Tambahan pula, pendekatan badan dakwah non-partisan masih sesuai dan relevan ketika itu (Harakah 1992).

Namun begitu, pendekatan dalam gerakan Islam berubah mengikut tampuk pimpinan, sebagaimana gerakan Islam PAS yang berada di bawah pimpinan Mursyid Al-Am, Nik Aziz Nik Mat. Beliau mengambil pendekatan sederhana untuk mendapat sokongan dan kerjasama dengan kerajaan Pusat demi kepentingan rakyat Kelantan (MP PAS Pengkalan Chepa 1982). Namun demikian, PAS masih sebuah parti pembangkang yang menggunakan pendekatan radikal bagi mendapat sokongan di luar Kelantan. Pendekatan ini membawa impak wujudnya pengelompokan ahli iaitu pengelompokan iman dan pengelompokan politik (Perlembagaan PAS tahun 1951). Berlaku kekeliruan dalam memahami hubungan sebenar antara agama dan politik (Laporan Tahunan PAS 2000). Sementara itu, di pihak gerakan Islam yang lain pula timbul sikap mengagamakan politik iaitu menganggap politik dalam erti budaya karya manusia sebagai sebahagian dari agama (wahyu) adalah merupakan suatu pencemaran terhadap kemurnian agama (Fadzil 1991).

Ketidaksefahaman dalam gerakan-gerakan Islam di Malaysia ini khususnya antara PAS, ABIM dan JIM yang merupakan badan dakwah yang mempunyai ramai pengikutnya telah membawa kepada perpecahan masyarakat Melayu. Gerakan Islam PAS dan ABIM masih terus membuat hubungan dengan tokoh-tokoh gerakan Islam terkenal di peringkat antarabangsa khususnya pimpinan gerakan Islam Timur Tengah walaupun amat terhad dan bersifat selektif sahaja pemilihan ulama hierarki tertentu menurut pendekatan gerakan masing-masing (Berita ABIM, bil 6/1997). PAS sebagai Jamaah yang banyak mendapat pendedahan gerakan Islam Timur Tengah mula menurut jejak langkah ABIM mengorak langkah membentuk *Manhaj Siyasi Maliziy* yakni cara atau kaedah siasah bersifat kemalaysiaan dalam pendekatannya menangani persoalan politik semasa (Yusof 1985).

Gerakan Islam ABIM dengan *Manhaj Maliziy* mampu untuk membangunkan Islam di Malaysia dan merujuk kepada pendekatan ketidakbergantungan *manhaj* gerakan-gerakan Islam yang lain seperti Ikhawanul Muslimin di Timur Tengah dan Jama'at Islami di India dan di Pakistan atau pendekatan siasah revolusioner dari Iran (Mohd Farid 2007). ABIM melaksanakan konsep yang diungkapkan oleh Siddiq Fadzil iaitu melaksanakan dakwah yang tersendiri yang beroperasi di dalam lingkungannya tersendiri tanpa meniru mana-mana gerakan Islam (Laporan Setiausaha ABIM 1971). Gerakan Islam JIM pula sinonim dengan dasar perjuangan dakwah dalam masyarakat (Saari 1991). Anggota JIM adalah bekas graduan yang kembali ke tanah air dan antaranya bekas didikan, pimpinan dan jurucakap IRC di Britain, Amerika Syarikat dan Timur Tengah (Saari 1995). Setelah kembali ke tanah air, kebanyakan mereka telah menganggotai gerakan Islam PAS dan ABIM. Apabila penglibatan mereka kurang disenangi kerana atas alasan perbezaan pendekatan perjuangan dan identiti yang sudah berlaku sejak di luar negara, maka JIM bergerak atas landasan sendiri dalam perjuangan sebagai badan dakwah kepada masyarakat Melayu di Malaysia (Temu bual Azhari 12 Januari 2019).

2.2 Ideologi Gerakan Islam

Selain itu, ketiga-tiga gerakan Islam ini mempunyai pegangan ideologi dan keahlian yang berbeza mengikut ketetapan perlembagaan pertubuhannya. Ini dapat dibuktikan dengan ideologi gerakan Islam PAS yang menjadi lapangan politik sebagai wadah untuk berdakwah dalam usahanya memenangi hati rakyat (Ucapan *I-Mursyid al-Am* PAS 12 September 2012). Menurut Hassan Shukri, ahli-ahli PAS dikehendaki daripada kalangan ulama yang merupakan tuan-tuan guru madrasah atau pondok yang berkaliiber (SP 28/A/109). Hal ini kerana untuk membimbing ke arah jalan yang betul dalam soal-soal agama dan perlaksanaannya berasaskan realiti dan Batasan-batasan sesebuah negara (Wan Mohd 1996). Ideologi PAS mempunyai dua takrif iaitu Islam dengan maksud seseorang yang melaksanakan hukum-hukum Allah dan Islam bermaksud tunduk, patuh dan taat kepada Allah yang lahir daripada kesedaran bukan kerana paksaan (Azhar 2005). Draf asal perlembagaan PAS tahun 1951 dan perlembagaannya 1951 menyebut bahawa PAS haruslah mempunyai 'pingat' sebagai tanda menjadi ahli. Namun perlembagaan tahun 1951 ini tidak menyebut dengan jelas bentuk 'pingat' PAS seperti berikut;

“bentuk pingat itu ialah bulat sebesar wang syiling dua puluh sen, sebelah atas berwarna merah dan sebelah bawah berwarna putih. Di atas warna merah ditulis kalimah “Allah S.W.T Muhammad S.A.W” dan di atas putih tertulis kalimah PAS dan 1951” (Perlembagaan PAS 1951:7).

Gerakan Islam ABIM dengan melihat perkara 2.1 dalam perlembagaannya menjelaskan tentang perjuangan dan matlamat dengan berasaskan al-Quran dan al-Sunnah. ABIM melaksanakan dasar non-partisan sejak ditubuhkan tahun 1971, dan perlembagaannya menekankan ABIM tidak akan melibatkan dirinya dalam mana-mana kegiatan parti politik (Perlembagaan ABIM 1999a). Gerakan Islam ini juga menjadikan para Belia Islam seluruhnya agar saling membantu dalam memajukan kehidupan masyarakat (Laporan Tahunan ABIM 1990). ABIM merupakan sebuah pertubuhan bukan kerajaan dan tidak memihak kepada parti politik, berjuang untuk memastikan Islam dapat dibangunkan dan dijamin dalam aspek ekonomi, politik dan sosial. Perjuangan gerakan Islam ABIM adalah non-partisan, yang mana ahli-ahlinya tidak pernah dihalang untuk terlibat dalam mana-mana parti politik. Sekiranya terdapat pemimpin-pemimpin ABIM dari peringkat pusat, negeri dan daerah yang terlibat secara langsung dan aktif dalam politik, maka pemimpin itu perlu meletakkan jawatan dalam ABIM (Perlembagaan ABIM 1999b).

Bagi gerakan Islam JIM, gerakan Islam ini berasaskan perlunya ada sumber dan tenaga masyarakat Islam yang masih banyak terpendam di dalam diri peribadi-peribadi Melayu yang harus dimanfaatkan menerusi satu wadah perjuangan masyarakat (Saari 1994). JIM berpandangan bahawa perasaan negatif yang meluap-luap dalam persaingan-persaingan tertentu dalam kalangan Jemaah Islam sebenarnya menjadi salah satu punca kelemahan gerakan Islam di Malaysia. Oleh itu tanpa menggunakan ideologi politik dan non-partisan, gerakan Islam JIM menjadikan wadah penubuhannya untuk membina dan melahirkan ikatan ukhuwah yang mendalam melalui program-program *tarbiah* yang mantap (Laporan Tahunan JIM 1998). Keahlian JIM adalah terbuka kepada semua lapisan masyarakat yang sedar tentang pentingnya islah di dalam kehidupan *farḍi* dan *jama'i* (Saari 1998). JIM dianggap sebagai sebuah organisasi elit kerana penubuhan asalnya oleh mereka yang berpendidikan tinggi

seperti golongan professional seperti guru, pensyarah, doktor pakar mahu pun akauntan (Temu bual bersama Yaziz Kasran, 28 Disember 2018).

Walaupun terdapat pelbagai pendekatan perjuangan, ideologi dalam berdakwah, dan keahlian setiap gerakan, namun ketiga-tiga gerakan Islam ini tetap tidak dapat mengelakkan daripada menghadapi cabaran dalam berdakwah. Cabaran-cabaran yang dihadapi dalam memperjuangkan cara hidup Islam ini, secara tidak langsung membawa kepada kekuatan setiap gerakan untuk berjuang dalam medan dakwah di Malaysia.

3. Isu Globalisasi Gerakan Islam PAS, ABIM, dan JIM (1957-2000)

Liberalisme merupakan cabaran dalam Gerakan Islam. Dalam Islam, kita mengenal bahawa konsep pertanggungjawaban perlu ada dalam individu, bahawa manusia akan bertanggungjawab secara individu di hadapan Allah SWT. Ini bermakna segala dosa dan perbuatannya akan menjadi tanggungannya sendiri dan tiada orang yang akan menanggung untuknya. Namun ini tidak bermakna bahawa perbuatannya itu tidak akan memberi apa-apa kesan sama ada baik ataupun buruk kepada orang lain. Justeru, dalam Islam setiap perbuatan yang baik akan diambil kira bukan sahaja perbuatan itu sahaja tetapi juga bagaimana ia memberi kesan kepada orang lain, jika perbuatan yang baik itu menjadi penyebab kepada banyak perbuatan baik yang lain maka orang yang memulakannya akan mendapat ganjaran daripada setiap perbuatan baik (Hadith riwayat Muslim 1017 dan Ibn Ma'iah 207). Apa yang nyata dalam cabaran liberalisme ini sama ada urusan *public*, bernegara atau dalam urusan peribadi agama tetap dikesampingkan. Meskipun sering dikatakan bahawa urusan agama adalah urusan individu, namun hakikatnya agama tidak boleh dikuatkuasakan bahkan akan sentiasa disisihkan baik dalam perkara yang bersifat *public* mahupun yang bersifat peribadi (Harakah 1997).

Konsep kebebasan yang diutarakan oleh Mill (2015) secara tidak langsung telah mengetepikan aturan moral dan nilai-nilai murni yang digariskan oleh agama. Falsafah liberalisme yang dicanangkan oleh Mill, juga pemikir-pemikir liberalisme yang lain, telah menjadi sandaran yang kuat bagi golongan LGBT untuk mendapatkan 'hak' mereka. Ini kerana menurut falsafah ini tiada lagi halal dan haram, aturan dan sekatan, masing-masing individu bebas melakukan apa sahaja yang sebelum ini oleh masyarakat dianggap buruk, taboo dan perlu dijauhi. Falsafah liberalisme ini jugalah yang menjadi sandaran bagi negara-negara Barat memberi kebebasan terhadap pornografi, pengguguran kandungan (*abortion*), dan aktiviti pelacuran. Dapat kita pastikan di sinilah bermulanya kehancuran moral masyarakat Barat yang telah merebak ke mana-mana keruntuhan moral yang disokong oleh hujah-hujah rasional para sarjana mereka. Sebarang bentuk pengharaman terhadap perkara-perkara di atas, meskipun jelas kemudaratannya kepada individu dan masyarakat, dianggap sebagai suatu penindasan (Manna 1998).

Dalam kajiannya terhadap sejarah liberalisme, Losurdo menjelaskan bahawa pengamalan liberalisme sebenarnya tidaklah sebaik yang sering digambarkan oleh sarjana-sarjana liberal. Justeru Losurdo memberikan banyak contoh bagaimana para pejuang kebebasan adalah juga pada masa yang sama merupakan pejuang perhambaan (*Champions of liberty are at the same time champions of slavery*).

Realitinya liberalisme di barat adalah sebuah paradox (Dominico Losurdo t.t). Mill menjustifikasikan despotisme ke atas bangsa-bangsa yang merupakan masih berada di 'bawah umur' yang belum mencapai kematangan dan merupakan kewajiban mereka untuk tunduk secara mutlak agar mereka dapat diletakkan pada jalan kemajuan. Oleh itu perhambaan adalah kadang-kadang merupakan suatu kemestian untuk memasukkan mereka ke dalam pekerjaan dan menjadikan mereka berguna bagi ketamadunan dan kemajuan (Manna 1998). Menurut Locke (1968) juga dilaporkan oleh Losurdo sebagai berkata bahawa kebebasan hanya untuk para tuan dan bukan tuan hamba.

Bagi menjustifikasikan penindasan terhadap kaum yang dijajah, Mill mengatakan: "*despotism is a legitimate mode of government in dealing with barbarians, provided the end be their improvement*" (Mill 2015). Masyarakat selain Barat dianggap tidak bertamadun dan barbarian, kerana itu layak dijajah dan ditindas. Bagaimana penjajahan hanya bermatlamatkan kepentingan dan keuntungan pihak penjajah. Jika sekularisme adalah semangat zaman yang mencirikan kehidupan masyarakat Barat pada abad ke-17, liberalisme pula adalah semangat pada zaman-zaman seterusnya. Sebagai orang Islam yang mengkaji sejarah Islam, sewajar kita tahu bahawa idea-idea di atas bukanlah idea baharu yang diperkenalkan oleh sarjana-sarjana barat kerana para ilmuwan Islam seperti al-Ma`wardi, al-Ghazali, Ibn Khaldun telah membicarakan dalam karya-karya mereka. Liberalisme mungkin telah berhasil mengatasi konservatisme, sosialisme, fasisme dan autoritarianisme kebangsaan, ia mungkin merasa berhasil muncul sebagai juara kepada ideologi-ideologi saingannya, namun suatu perkara sebenarnya mereka belum dapat atasi adalah Islam, kerana Islam bukan ideologi ciptaan manusia. Meskipun Fawcett (2014) *ada menyebut tentang theocratic Islamism*, yang menjadi salah satu lawan kepada liberalisme.

Selain itu, isu Sekularisme merupakan pemisahan agama yang diwujudkan oleh Barat daripada kehidupan beragama. Konsep pemisahan agama daripada sistem politik negara yang telah wujud di Barat sejak abad ke-11 Masihi lagi dengan berlaku penentangan gereja dengan pemerintah sebagaimana yang berlaku dalam sejarah kelahiran sekularisme di Barat (Muhammad Naquib 1993). Dalam menghadapi isu-isu agama di Malaysia, gerakan Islam PAS mempunyai sikap dan pendiriannya yang jelas iaitu menentang sebarang bentuk ajaran dan fahaman yang bercanggah dengan akidah dan syariat Islam selaras dengan perlembagaannya (Perlembagaan PAS 1999). Gerakan Islam PAS lebih suka bersendirian dalam menangani sesuatu isu. Namun begitu, dalam masa yang tertentu PAS akan bekerjasama dengan gerakan Islam lain dalam memperjuangkan konsep dan pandangan hidup Islam (Perlembagaan PAS 2001). PAS bekerjasama dengan gerakan Islam lain seperti Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Persatuan Ulama Malaysia (PUM) dan juga kerajaan selagi tidak berlawanan dengan matlamat parti itu dan tidak bercanggah dengan undang-undang negara. PAS mengambil sikap terbuka dalam menangani isu-isu agama yang mendatangkan kesan negatif kepada masyarakat Islam khususnya orang Melayu dan negara. Bagaimanapun, sikap dan pandangan yang diberi sentiasa dikaitkan dengan dasar parti ini (Burhanuddin 2006).

Dasar Parti Islam Se-Malaysia (PAS) adalah jelas iaitu Agama Islam. Oleh kerana Islam menjadi dasar perjuangannya, maka parti itu berjuang untuk mewujudkan sistem masyarakat dan pemerintahan Islam yang melaksanakan syariat Allah SWT di negara ini (Perlembagaan PAS 2001). Sebarang unsur yang bertentangan dengan dasar perjuangannya akan ditentang dan ditolak habis-habisan (Esposito 1995). PAS

menolak sekularisme kerana fahaman tersebut bercanggah dengan Fasal 6 (2) perlembagaan parti itu yang memperjuangkan Islam secara syumul yang merangkumi aspek-aspek ekonomi, politik, sosial dan sebagainya (Perlembagaan PAS 2001). Sekularisme telah memisahkan agama dari semua aspek kehidupan dan implikasi dari fahaman tersebut ialah mengetepikan segala peraturan yang ditetapkan oleh Islam (Yusof Al-Qardhawi 2009). Islam menolak sekularisme dalam segala bentuknya. Umat Islam adalah haram menganut dan berjuang menegakkan segala ideologi yang lahir dari sekularisme (Warta Darul Iman 2001).

Pemimpin-pemimpin parti itu dengan tegas mengkritik faham tersebut sebagai gejala yang mendatangkan kemusnahan kepada agama dan umat Islam itu sendiri. Menurut Fadzil Mohd Noor (1991), menyatakan bahawa sekularisme mestilah dikikis habis-habisan dari hati umat Islam. Jika fahaman tersebut tidak dibendung, dibasuh dari otak dan hati mereka, maka usaha untuk mendaulatkan Islam melalui jalan yang sukar, malah kuasa yang ada di tangan orang Islam payah dipertahankan. Gerakan Islam PAS menentang sekularisme kerana fahaman itu bercanggah dengan Islam yang menjadi dasar perjuangannya. Gerakan Islam PAS menyatakan fahaman sekularisme dianggap sebagai agenda penjajah yang membawa impak yang besar kepada umat Islam dan menghalang kebangkitan semula umat Islam menjadi bangsa yang berdaulat. Ancaman fahaman ini cuba untuk memisahkan agama dari unsur kehidupan yang lain kerana matlamatnya semata-mata untuk keduniaan. Persoalan akhirat dan keredaan Allah SWT yang menjadi matlamat akhir orang Islam tidak ada di dalam perhitungan sekularisme. Fahaman ini menghakis kekuasaan politik Islam kerana menolak syariat Allah SWT sebagai dasar pemerintahan negara (Perlembagaan PAS 2001).

Golongan sekular ini kadang-kadang kelihatan sebagai pembela bangsa dan agama, tetapi pada hakikatnya mereka adalah pemusnah agama dan bangsa (Suara Persatuan Ulama Malaysia 1997). Mereka kelihatan bekerja dengan tekun mengembangkan dakwah, tetapi kefahaman mereka adalah salah dan menjadi sekular kerana semata-mata percaya dalam Islam tidak ada politik. Fahaman ini bukan sahaja telah diterima oleh masyarakat Melayu yang mendapat Pendidikan barat, malah mereka yang terdedah dengan didikan agama juga dihindangi penyakit sekular. Menurut Abdul Hadi Awang (2002), kebanyakan pemimpin masyarakat Melayu selepas merdeka tidak menegur dan membetulkan malah menghalalkan pemimpin-pemimpin yang menghina syariat Allah SWT serta menyokong sekularisme. Golongan sekular dalam negara umat Islam sebenarnya berselindung di sebalik agama dan bangsa dengan berpura-pura menerima Islam dan mencintai bangsa tetapi pada hakikatnya mereka pemusnah agama dan bangsa (Fadzil 1991). Ini lah yang membawa kepada penentangan gerakan Islam PAS terhadap sekularisme dengan sentiasa mengingatkan umat Islam tentang bahayanya ancaman fahaman tersebut (Hamdan 2013).

Dalam sejarah perjuangan dakwah ABIM menegakkan Islam, tahun 1970-an merupakan ruang masa yang amat getir serta mengisi daya tahan kepimpinan ABIM. Ketahanan pimpinan-pemimpin ABIM di semua peringkat mengalami ujian besar yang mampu melumpuhkan gerakan itu (Laporan Tahunan ABIM 1990). Era 1970-an, ABIM berhadapan dengan pimpinan elit politik berfahaman sekular, berbudaya dan bercita rasa barat (Ucapan Dasar Muktamar Sanawi ABIM, 9-11 Ogos 1990). Zaman kepimpinan Tun Razak Hussein dan kemudiannya zaman kepimpinan Tun Hussein Onn, ABIM dipandang sebagai badan yang boleh mengancam kerajaan (Watan 27

Julai 1992). Hal ini kerana ABIM mengambil pendekatan bertentangan dengan pihak kerajaan kerana ABIM melihat berlaku ketidakadilan sosial dalam masyarakat (Al-Islam, 1995). Pendekatan yang agresif dan sentiasa bertentangan dengan kerajaan sering diterjemahkan melalui pidato dan demonstrasi yang mendesak pihak kerajaan melakukan pembaharuan terutama terhadap penubuhan institusi-institusi Islam dalam negara (Anwar 1997).

Justeru itu, jelas membuktikan bahawa kebijaksanaan pemimpin ABIM mengambil peluang dan ruang dakwah telah dimanfaatkan sebaik-baiknya dalam dakwah Islamiah oleh barisan kepimpinan ABIM (Laporan Tahunan ABIM 1989). Dalam tahun 1980-an perkembangan dakwah Islam diberi ruang yang luas oleh pihak kerajaan apabila Anwar Ibrahim berada dalam kerajaan. Keadaan ini ditegaskan dalam Mukhtamar Sanawi ABIM ke-15 tahun 1990;

Demikianlah kita memasuki dekad kedua, tahun-tahun 80-an di tengah-tengah semarak kebangkitan Islam yang semakin merata dan meluas, mengimbau umat dari segala sektor dan golongan rakyat massa dan para penguasa. Angin perubahan mula bertiup menukar iklim politik tanah air, orientasi pentadbiran negara mula memperlihatkan warna kehijau-hijauan. Siddiq Fadzil (1990: 124).

Penyerapan pemimpin ABIM dalam kerajaan secara tidak langsung, berlaku perubahan persepsi pihak kerajaan yang dianggap sekular oleh ABIM, kepada konsep bekerjasama dan menerima perjuangan dakwah gerakan Islam ini (Anwar 1993). Gerakan Islam JIM yang masih muda penubuhannya, juga mengecam agenda sekular yang membantutkan dan menghalang perjalanan dakwah di Malaysia (Saari 1997). Isu sekular secara tidak langsung akan melumpuhkan gerakan Islam daripada aktiviti yang bergerak dan menarik manusia dalam memperbetulkan akidah Islam yang sebenar dalam kalangan masyarakat Melayu (Saari 1994).

Isu sekular Barat yang berleluasa merupakan agenda antarabangsa dalam menghapuskan gerakan-gerakan Islam khususnya di Malaysia. Berdasarkan majalah *al-Da'wah* satu laporan salah seorang tokoh perisikan Amerika yang disiarkannya dalam terbitan Januari 1979. Laporan tersebut menyebut dalam laporan sulit Pusat Perisikan Amerika bahawa Jemaah al-Ikhwan al-Muslimin merupakan penghalang dan perlu diambil tindakan terhadap perkumpulan Islam ini. Golongan sekular menyebarkan istilah di pusat media massa bahawa perkumpulan Islam, gerakan Islam sebagai terrorism (konservatif). Daripada analisa, dirumuskan bahawa gerakan Islam seperti PAS, ABIM dan JIM tetap menyeru agar masyarakat kembali kepada Islam, berhukumkan syariahnya dan berpegang teguh dengan al-Quran dan al-Sunnah dengan pendekatan dakwah dan tarbiah yang bijaksana (Mingguan Malaysia 1992).

Seterusnya isu Murtad merupakan seseorang yang keluar daripada agama Islam sama ada kerana menganut agama lain atau sebaliknya (Hamdan 2013). Murtad hanya berlaku kepada seseorang Islam yang mukalaf kerana mengucapkan sesuatu perkataan atau melakukan sesuatu peraturan atau beriktikad di dalam hati yang menyebabkan seseorang itu keluar dari agama Islam (Abdul Qadir 1978). Dari segi perbuatan, seseorang yang melakukan perbuatan yang bercanggah dengan akidah Islam seperti menyembah berhala dan membuang al-Quran ke dalam najis adalah murtad. Dari segi perkataan, seseorang yang menyebutkan perkataan yang

bertentangan dengan akidah seperti menyatakan diri manusia adalah Allah dan hukum Islam tidak wajib dilaksanakan sekarang adalah murtad. Dari segi iktikad, seseorang yang mempercayai sesuatu yang berlawanan dengan akidah seperti mempercayai Mirza Ghulam Ahmad sebagai nabi adalah murtad (Mahfodz 1985). Kesalahan keluar dari Islam untuk menganut agama lain atau tidak dinamakan *riddah*. Di dalam perundangan Islam orang yang murtad termasuk dalam jenayah hudud dan dikenakan hukuman dengan hukum hudud, kecuali mereka bertaubat dalam masa tiga hari. Hukuman itu bertujuan untuk menjaga keharmonian Islam supaya ia tidak diremehkan dan ditinggalkan bila menyulitkan (Arief 2001).

Murtad merupakan isu yang paling besar dihadapi oleh umat Islam sepanjang zaman. Selepas kewafatan Rasulullah s.a.w. sejarah Islam menyaksikan isu murtad berlaku dalam kalangan generasi awal yang membabitkan segelintir umat Islam murtad kerana terpengaruh dengan seruan nabi-nabi palsu yang menyeru meninggalkan ajaran Rasulullah s.a.w. dan melarang mengeluarkan zakat. Khalifah Abu Bakar As Siddiq r.a yang mengambil alih kepimpinan umat Islam menangani isu tersebut dengan berkesan dan tegas memerangi golongan murtad tersebut tanpa kompromi (Manna 1998)). Di Malaysia, isu murtad melibatkan orang Islam yang sendiri bangsa Melayu. Mereka murtad kerana memeluk agama Kristian, Hindu, terlibat dengan kumpulan ajaran sesat dan syirik (Ibrahim 1989). Mengikut kajian Prof Dr Muda @ Ismail Abdul Rahman mendapati Selangor dan Wilayah Persekutuan merupakan pusat kegiatan gereja-gereja Katolik, Protestant dan Ortodoks di negara ini. Penularan gerakan agama Kristian yang menggunakan beberapa pendekatan untuk menarik orang Melayu termasuklah menggunakan kumpulan Melayu Kristian yang dikenali sebagai *Malay Christian Fellowship* (Mingguan Kota 1990). Gerakan Kristian ini berpangkalan di Singapura dan menjalankan operasinya secara terancang untuk mengkristiankan orang-orang Melayu di Malaysia (Laporan Tahunan PAS 1999). Bagaimanapun agama Kristian tidak dapat berkembang dalam kalangan orang-orang Melayu kerana pengaruh agama Islam yang diperjuangkan dalam dakwah gerakan Islam seperti PAS, ABIM, JIM, Jemaah Tabligh dan badan NGO-NGO Islam sangat kuat di Malaysia. Namun isu ini sentiasa akan diperangi oleh gerakan-gerakan Islam di Malaysia (Perspektif 1991)

Di samping itu kesan daripada cabaran isu sekularisme telah melahirkan agenda kerajaan untuk menangani permasalahan tersebut yang dibangkitkan oleh gerakan-gerakan Islam dalam perkembangan dakwah tanah air. Agenda tersebut adalah pelaksanaan Islamisasi dalam pentadbiran kerajaan. Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas (1993) menyatakan isu Islamisasi juga adalah cabaran dalam gerakan Islam di Malaysia. Islamisasi adalah pembebasan manusia dari tradisi tahyul, mitos animisme, kebudayaan, akal dan bahasa dari pengaruh sekularisme. Ia juga merupakan proses pembebasan diri (*liberation*) dan pengabdian diri (*devolution*) kepada kejadian asalnya iaitu fitrah. Islamisasi juga merujuk kepada pengamalan nilai-nilai Islam seiring dengan agama Islam. Sifat ini yang terdapat dalam ajaran Islam dengan tujuan untuk menghasilkan modal insan yang berkualiti serta proaktif dalam melaksanakan peranan yang dipegang dalam sesebuah keluarga, masyarakat dan negara (Jurnal Hadhari 2009). Islamisasi adalah usaha untuk menjadikan manusia patuh kepada ajaran Islam sebagai al- Din (Surah Ali Imran ayat 19). Penggunaan istilah *ad-Din* di dalam al Quran tidak hanya merujuk kepada aspek akidah, Syariah dan ibadat sahaja bahkan juga meliputi aspek-aspek sosial, ekonomi dan politik. Islamisasi dalam konteks penghayatan *ad-Din* bermaksud melaksanakan ajaran Islam

itu secara syumul atau menyeluruh untuk mencapai *al-falah*, iaitu kejayaan di dunia dan dia akhirat. Kejayaan atau kegagalan Islamisasi itu terletak pada proses kefahaman dan penghayatan Islam. Islamisasi berkonsepkan untuk membawa masyarakat mengamalkan nilai dan norma Islam secara syumul atau lengkap (Ibrahim 1989).

Penghayatan Islam secara menyeluruh akan mengubah pola-pola kehidupan masyarakat daripada kebiasaan lama kepada nilai-nilai baru dengan berlandaskan agama mengikut al-Quran dan sunnah. Islam telah mengubah bukan sahaja struktur zahir masyarakat, bahkan juga struktur batin mereka (Syed Muhammad Naquib 1972). Menurut Wan Mohd Nor Wan Daud (1995) menyifatkan definisi yang diberikan oleh al-Attas itu adalah jelas dan tepat. Menurut Tun Dr Mahathir, Islamisasi di Malaysia menekankan kepada penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran dengan sifat-sifat yang mulia seperti amanah, jujur, setia dan rajin (Ucapan Tun Dr Mahathir 14 Februari 1986). Islamisasi juga dikaitkan dengan mengisi kekosongan jiwa rakyat selepas negara ini mencapai kemerdekaan (Chandra Muzaffar 1986). Impak kebangkitan Islam 1970-an telah melahirkan Islamisasi di Malaysia (Nagata Judith 1982). Kebangkitan semula Islam adalah untuk menarik semula nilai-nilai Islam, amalan Islam, institusi Islam, syariah Islam dalam kehidupan masyarakat khususnya masyarakat Melayu di Malaysia (Chandra Muzaffar 1987). Menurut Ozay Mehmet (1990) telah mengaitkan kebangkitan itu dengan revolusi Islam Iran dan peranan gerakan Islam di Malaysia.

Selain itu kesan kebangkitan Islam di Malaysia yang dipelopori oleh gerakan Islam telah membawa kepada lahirnya Isu Islamisasi yang digerakkan oleh pihak kerajaan bagi mengatasi isu kesedaran terhadap Islam yang lengkap dalam kehidupan. Ini kerana, Isu Islamisasi diharapkan dapat bangkit membangunkan ekonomi dan pemodenan. Dengan bertambahnya agenda Islam maka meningkat lah agenda untuk orang Melayu (Julian 2010). Ini kerana Islam mempunyai hubungan yang rapat dengan orang Melayu (*Pasific Affairs* 1984) Gerakan Islam PAS mempunyai dasar yang jelas iaitu menerima Islam sebagai satu sistem hidup yang lengkap atau syumul (Perlembagaan PAS 2000). Perlembagaan parti itu meletakkan al-Quran, sunnah, *ijmak* dan *qias* sebagai sumber rujukannya (Perlembagaan PAS, Pindaan 2001).

PAS menerima konsep Islamisasi, namun parti ini menolak Islamisasi yang berbentuk serpihan dalam menerapkan nilai-nilai Islam (Laporan Tahunan PAS 1984). PAS tidak menolak penubuhan UIAM dan BIMB, malah ahli-ahli parti itu mengambil manfaat dari penubuhan institusi tersebut. Dato' Kamarudin Jaffar, bekas Setiausaha Agung PAS, menyatakan parti itu mempunyai sejarah yang banyak dan lama dengan gerakan Islam yang lain di negara ini dalam memelopori pemikiran ke arah penubuhan Bank Islam dan sistem kewangan Islam (Penyata Rasmi Dewan Rakyat, 27 Jun 2002, 35). Menurut Prof Zulkifli Muhammad (1966), bekas Timbalan Yang Dipertua Agung PAS pernah menyuarakan fikirannya di dalam ceramah-ceramahnya dan tulisan-tulisannya pada tahun 1957 dan awal 1960-an betapa perlunya negara ini mempunyai Kolej Islam dan universiti Islam (Laporan Tahunan PAS 1966). Setelah kerajaan mengemukakan gagasan penubuhan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Dato' Hassan Adli Arshad, bekas Timbalan Yang Dipertua Agung PAS menyatakan sokongannya dan mengharapakan UIAM menjadi sebuah universiti yang akan mencerminkan keagungan Islam (Penyata Rasmi Dewan Rakyat, 12 Mac 1982). Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat turut mendesak pihak pentadbiran yang memegang pucuk pimpinan negara mempercepatkan kewujudan bank Islam dengan kadar yang

segera (Penyata Rasmi Dewan Rakyat 1984). Begitu juga Timbalan Presiden PAS, Mohamad Sabu menyatakan PAS menyokong bank Islam dan syarikat takaful (Laporan Tahunan PAS 1984).

Dalam isu Islamisasi, gerakan Islam PAS tidak mampu melaksanakan agenda tersebut di Malaysia kerana kuasa politiknya terbatas serta terhad terhadap kuasa memerintah Kelantan dan Terengganu (SP 28 / A / 109). Menurut Siddiq Fadzil (1990), gerakan Islam PAS mengambil alih Kelantan dalam pilihan raya umum tahun 1990. Pada 3 November 1990 sebuah Jawatankuasa Penasihat Kerajaan Negeri Kelantan dibentuk untuk membantu dan menasihati kerajaan negeri Kelantan (Laporan Tahunan PAS 1990). Jawatankuasa itu terdiri dari Dato' Fadzil Mohd Noor sebagai Pengerusi, Ustaz Abdul Halim Bin Arshat sebagai Setiausaha Agung, manakala ahli-ahlinya terdiri dari Dato' Seri Tuan Guru Abdul Hadi Awang, Dr Daeng Sanusi Daeng Mariok, Dato' Mustafa Ali, Dato' Wan Muttalib Embong dan Ustaz Nik Abdullah Nik Arshad (Mohd Fadli 2016). Bidang tugas jawatankuasa itu ialah bertanggungjawab untuk menjadikan kerajaan pimpinan PAS Kelantan sebagai sebuah kerajaan yang dapat melaksanakan dasar-dasar Islam dalam semua aspek sama ada pentadbiran atau pun pembangunan. Manakala ABIM dan JIM pula mengambil sikap terbuka dengan bekerjasama dengan pihak kerajaan selagi pemerintah mengamalkan dasar yang mengikut cara hidup Islam secara menyeluruh (Abu Bakar 1986).

4. Dapatan Kajian

Hasil kajian mendapati gerakan Islam PAS, ABIM dan JIM adalah antara gerakan Islam yang berjuang dalam medan dakwah untuk kepentingan masyarakat khususnya masyarakat Melayu, 1957-2000. Dalam perbincangan analisa ini, gerakan Islam PAS adalah antara gerakan yang menghadapi cabaran globalisasi di peringkat awal penubuhannya sehinggalah menjelang tahun 2000. Ini kerana gerakan Islam PAS menjadikan pendekatan politik sebagai wadah gelanggang perjuangan dakwah. Daripada analisa pengkaji mendapati medan politik menjadi cabaran yang hebat kepada gerakan Islam untuk memperjuangkan politik Islam dalam suasana pemerintahan sebuah negara yang mempunyai masyarakat pelbagai kaum.

Manakala gerakan Islam ABIM yang merupakan generasi pengasas kebangkitan Islam telah menggunakan pendekatan dakwah non-partisan dan berwajah politik dalam memperjuangkan gagasan Islam sebagai cara hidup yang sempurna dan lengkap. Pelbagai cabaran dalam isu-isu agama yang dihadapi oleh gerakan Islam ini. Namun pada masa yang sama ABIM bersifat tidak mencampurkan urusan politik dalam gerakan telah membuka ruang untuk pertubuhan ini memperjuangkan dakwah nya sehingga ke peringkat antarabangsa. Pengalaman ABIM dalam melaksanakan perjuangan dakwah Islam khususnya kepada masyarakat Melayu di Malaysia menjadi rujukan kepada gerakan-gerakan Islam yang lain.

Gerakan Islam JIM pula merupakan sebuah gerakan dakwah dan sosial yang hanya mengisi kekosongan dan kekurangan yang ada di dalam mana-mana medan dakwah dengan suatu pendekatan yang tersendiri dan memperlihatkan kemampuan penggerak yang cintakan Islam. JIM telah meluaskan konsep islah dalam bentuk yang lebih menyeluruh. Walaupun di peringkat awalnya JIM memberi tumpuan kepada gerakan makruf yang akhirnya berubah kepada gerakan mencegah kemungkaran

seiring dengan gerakan makruf. Cabaran gerakan Islam JIM dalam masyarakat Melayu di Malaysia adalah dalam menegakkan negara Islam dengan menghancurkan segala bentuk perkara yang boleh menghancurkan pembinaan sesebuah negara. Walaupun ketiga-tiga gerakan Islam ini menghadapi cabaran yang kuat, namun perjuangan dakwah Islam tetap dipertahankan demi pembinaan sebuah negara Islam yang mengamalkan cara hidup Islam yang menyeluruh dan lengkap. Dalam menghadapi cabaran dan halangan memperjuangkan dakwah Islam, ketiga-tiga gerakan ini berusaha dengan pelbagai kaedah untuk mempertahankan negara Islam.

5. Kesimpulan

Secara kesimpulannya, isu dan cabaran menjadi pembakar semangat perjuangan gerakan Islam di Malaysia khususnya gerakan-gerakan Islam PAS, ABIM dan JIM, 1957-2000 dalam menegakkan syiar Islam. Walaupun terdapat pelbagai cabaran yang perlu dihadapi, terutamanya selepas negara mencapai kemerdekaan hinggalah tahun 2000, namun ketiga-tiga gerakan Islam ini sentiasa menyusun strategi bagi mengatasi halangan tersebut. Bermula dengan gerakan Islam PAS yang memperjuangkan penghayatan dan pengamalan cara hidup Islam atas tiket pendekatan politik dan semangat keMelayuan pimpinan Ulama, mampu mempertahankan gerakan dakwah Islamiah. Seterusnya gerakan Islam ABIM yang berjuang atas nama NGO Islam dan pendekatan keMalaysiaan, mampu mendokongi golongan belia Islam Malaysia dalam memperjuangkan syiar Islam dalam kehidupan. Manakala gerakan Islam JIM menjadi pelengkap dalam memperjuangkan gerakan dakwah kepada masyarakat Islam khususnya masyarakat Melayu di Malaysia. Ketiga-tiga gerakan Islam ini mengatasi cabaran-cabaran dakwah dari masa ke masa melalui organisasi yang mantap dan kepemimpinan yang bijaksana memimpin gerakan.

Ketiga-tiga Gerakan Islam ini sentiasa berusaha menangani segala cabaran dalam memperjuangkan syiar Islam dalam masyarakat Melayu di Malaysia. Cabaran globalisasi dalam berdakwah Gerakan Islam PAS, ABIM dan JIM di Malaysia dijadikan sebagai pengalaman untuk mengukuhkan perjuangan dakwah Islamiah. Pendekatan perjuangan yang pelbagai bukanlah menjadi satu halangan bagi ketiga-tiga gerakan ini memperkembangkan dakwah Islamiah. Usaha memimpin masyarakat Islam khususnya masyarakat Melayu sentiasa dititikberatkan agar penghayatan dan kefahaman Islam dapat dilaksanakan dalam kehidupan. Walaupun gerakan Islam PAS, ABIM dan JIM terdiri daripada aliran yang berbeza, namun matlamat perjuangan dakwah Islamiah yang sama dapat mengatasi segala cabaran dakwah yang menjadi penghalang dalam gerakan dakwah. Gerakan-gerakan Islam menjadikan pelbagai cabaran dan isu yang dihadapi sebagai proses memantapkan dan memantapkan perjuangan sebagai gerakan dakwah.

Rujukan

al Quran al-Karim.

Abu Bakar Abdullah. (1986). *Ke Arah Pelaksanaan Undang-Undang Islam Di Malaysia: Masaalah Dan Penyelesaiannya*. Kuala Terengganu: Pustaka Damai.

Abdul Hadi Awang. (2002). *Konsep Negara Islam dan Matlamatnya*. Yayasan Islam terengganu: Kuala Terengganu.

- Abdul Qadir. (1978). *'Audah, Islam Pemeluk dan Ulamanya'*, (Terj: Abdul Aziz al Mursyidi, International Islamic Federation of Student Organizations. Salamaiah: Kuwait.
- Abdul Rahman Haji Abdullah. (1998). *Pemikiran Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Abdul Rahman Mahmud et.al. (2009). "Penerimaan Bukan Islam Terhadap Proses Islamisasi Di Malaysia" dlm. *Jurnal Hadhari*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Putrajaya. Bil.2. hlm. 33-51.
- Al-Islam*, 13 Jun 1995.
- Al-Dakwah*, Januari 1979.
- Angkatan Belia Islam Malaysia. (1971). *Laporan Setiausaha Agung ABIM 1971*. Kuala Lumpur: Pejabat ABIM Pusat.
- Angkatan Belia Islam Malaysia. (1989). *Laporan Tahunan ABIM 1989*. Kuala Lumpur: Pejabat ABIM Pusat.
- Angkatan Belia Islam Malaysia. (1990). *Laporan Tahunan ABIM 1990*. Kuala Lumpur: Pejabat ABIM Pusat.
- Angkatan Belia Islam Malaysia. (1999a) *Perlembagaan ABIM 9-11 September 1999*. Kuala Lumpur: Pejabat ABIM Pusat.
- Angkatan Belia Islam Malaysia. (1999b). *Perlembagaan ABIM [Pindaan 1999]*. Kuala Lumpur: Pejabat ABIM Pusat.
- Anwar Ibrahim. (1993). "UMNO: Wadah Perjuangan Abad 21" dlm. Wan Hashim Wan The (ed.) *UMNO: Dalam Arus Perdana Politik Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Mahir Publications Sdn Bhd.
- Anwar Ibrahim. (1997). *The Asian Renaissance*. Kuala Lumpur: Times Books International.
- Anwar Ibrahim. (2004). Koleksi Ucapan dlm. *Meniti Sejarah Melakar masa Depan Islami*. Unit Perpustakaan Audio/Visual. ABIM Kedah. pada 28 November 2004. Anjung Rahmat. Gombak: Selangor.
- Arief Salleh Rosman. (2001). *Murtad Menurut Perundangan Islam*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Azhari Ahmad. (2019). *Temu bual bersama anggota Jamaah Islah Malaysia*. Bertempat di kediamannya di kampung Sungai Merab. Pada 12 Januari 2019 jam 3.00 petang.
- Azhar Yaakub @ Ariffin. (2005). "Strategi Dakwah Rasulullah Dalam Pembentukan Negara: Kajian Pelaksanaannya oleh Parti Islam Se-Malaysia". Tesis Doktor Falsafah. Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan. Akademi Pengajian Islam. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Azmi Ariffin. (2010), "Islam, Bangsa Dan Perjuangan Melayu: Menelusuri Kesedaran Dan Gerakan Politik Melayu-Islam Dalam Perjuangan Menuntut Kemerdekaan Tanah Melayu, 1900-1957". kertas kerja ini dibentangkan dalam Persidangan Antarabangsa Islam Dalam Maysrakat Malaysia (PAIMM). Jil.(1), pada 5 & 6 Oktober 2010. Jabatan Sejarah. Fakulti Sastera dan Sains Sosial. Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- Badlihisam Mohd Nasir. (1999). "Metod Dakwah Gerakan Islam Tanahair: Sorotan Terhadap PAS, ABIM dan JIM". Kertas kerja Seminar Kebangsaan Dakwah dan Gerakan Islam Alaf Baru. Anjuran Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan. Fakulti Pengajian Islam. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 10 Julai.
- Berita ABIM*, bil. 6/1993.
- Berita ABIM*, bil 6/1997.
- Burhanuddin al-Helmi. (2006). *Hari-Hari Aku Dizalimi*. PAS Gombak. Kuala Lumpur:

- Chandra Muzaffar. (1986). Malaysia: Islamic Resurgence and the Question of Development. *Sojourn: Journal of Social Issues in Southeast Asia*: hlm. 57-75.
- Chandra Muzaffar. (1987). *Islamic Resurgence in Malaysia*. Petaling Jaya: Penerbitan Fajar Bakti. Sdn Bhd.
- Diane K. Mauzy and R.S. Milne. (1983). The Mahathir Administration in Malaysia: Discipline Through Islam. *Pacific Affairs* 56. no.4. hlm. 83-90.
- Fadzil Mohd Noor. (1991). "Bersatu Menegakkan Islam". Kuala Lumpur: Pejabat Agung PAS.
- Edmund Fawcett. 2014. *Liberalism: The Life of an Idea*. New Jersey: Princeton University Press.
- Hadith riwayat Muslim (1017) dan Ibn Ma`jah (207)
- Hamdan Muhammad. (2013). *PAS dan Isu-Isu Agama*. Kuala Lumpur: Unit Buku Harakah.
- Harakah*, bil. 422, 28 Disember. 1992.
- Harakah*, 2 Jun 1997.
- Ibrahim Ahmad. (1989). Konflik UMNO-PAS Dalam Isu Islamisasi. IBS Sdn Bhd. Petaling Jaya.
- Ibrahim Majdi Mohamad Kamil dan et. Al. (2017). Dlm. Analisis Kritikal Perkembangan Intelektual Muslim Di Malaysia Pasca Merdeka (1960-1990) terhadap Kebangkitan Islam di Malaysia. *Jurnal Pengajian Islam*. 18 Disember 2017. Bilangan 10. Isu II. 88-110.
- Jamaah Islah Malaysia. (1998). *Laporan Tahunan JIM 1998*. Kuala Lumpur. Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia.
- John L. Esposito. (1995). *Encyclopedia of the Modern Islamic World*. New York. Oxford University Press. Vol.1.
- John Stuart. Mill. (2015). *On Liberty, Utilitarianism and Other Essays*. Oxford: Oxford University Press.
- John. Locke. (1968). *A Letter Concerning Toleration*. Oxford: Clarendon Press.
- Judith Nagata. (1982). Islamic Revival and the Problem of Legitimacy among Rural Religious Elites of Malaysia. *Man* 17, no. 1. hlm. 20-40.
- Julian C.H. Lee. (2010). *Islamization and Activism in Malaysia*. Institute of Southeast Asian Studies. Singapore.
- Kassim Thukiman. (2002). *Malaysia Perspektif, Sejarah dan Politik*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Kenyataan Akhbar*. (1993). Mengutuk Serangan Tentera Bersekutu Terhadap Iraq. 14 Januari 1993. 10-4, The Right Angle, Jalan 14/22. Petaling Jaya.
- Mahfodz Mohamad. (1985). *Jenayah dalam Islam-Satu Kajian Ilmiah Mengenai Hukum-Hukum Hudud*. Persatuan Ulama Malaysia.
- Manna' Khalil Al-Qaththan. (1998). *Halangan-Halangan Pelaksanaan Syariah Islam*. (Terj: Ustaz Haji Juanda Haji Jaya). Maktabah al-Qaradhawi, Bangi.
- Mohd Fadli Ghani. (2016). Ketua Pusat penyelidikan. Arkib Penyelidikan PAS Pusat. Kuala Lumpur: Pejabat Agung PAS Pusat.
- Mingguan Kota*, 23 September 1990.
- Mingguan Malaysia*, 3 Mei 1992.
- Mohammad Redzuan Othman. (2005). *Islam dan Masyarakat Melayu Peranan dan pengaruh Timur Tengah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Farid Mohd Shahrhan. (2007). *Pengukuhan Manhaj Maliziy Melalui Pemeriksaan Budaya Ilmu*. Monograf Memahami Pendekatan Dakwah Manhaj Maliziy. Kuala Lumpur: Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia.

- Nik Aziz Nik Mat. (1996). 'Ucapan sulung Menteri Besar'. Dalam *Tafsir Surah Hud*. Nilam Puri. Maahad ad-Dakwah Wal-Imamah.
- Ozay Mehmet. (1990). *Islamic Identity and Dvelopment: Studies of the Islamic Periphery*. London. Routledge.
- Parti Islam Se-Malaysia. (1966). *Laporan Tahunan PAS Pusat 1966*. Kuala Lumpur: Pejabat Agung PAS Pusat.
- Parti Islam Se-Malaysia. (1984). *Laporan Tahunan PAS Pusat 1984*. Kuala Lumpur: Pejabat Agung PAS Pusat.
- Parti Islam Se-Malaysia. (1990). *Laporan Tahunan PAS Pusat 1990*. Kuala Lumpur: Pejabat Agung PAS Pusat.
- Parti Islam Se-Malaysia. (1991). *Laporan Tahunan PAS Pusat 1991*. Kuala Lumpur: Pejabat Agung PAS Pusat.
- Parti Islam Se-Malaysia. (1999). *Laporan Tahunan PAS Pusat 1999*. Kuala Lumpur: Pejabat Agung PAS Pusat.
- Parti Islam Se-Malaysia. (2000). *Laporan Tahunan PAS Pusat 2000*. Kuala Lumpur: Pejabat Agung PAS Pusat.
- Parti Islam Se-Malaysia. (1951). *Perlembagaan PAS tahun 1951*. Kuala Lumpur: Pejabat Agung PAS Pusat.
- Parti Islam Se-Malaysia. (2001). *Perlembagaan Parti Islam Se-malaysia [Pindaan 2001]. Fasal 7 (1)*. Kuala Lumpur: Pejabat Agung PAS Pusat.
- Perspektif*, 10 Julai 1991.
- Roff, W.R. (1975). *Nasionalisme Melayu*. Terj. Ahmad Boestamam. Cetak ulang. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Saari Sungib. (1991). *Pengislahan Masyarakat: Persiapan Menuju Abad 21*. Kuala Lumpur: Pertubuhan Jamaah Islam Malaysia.
- Saari Sungib. (1994). "Asas-asas Strategi JIM" dalam *Membentuk Arah dan Haluan Perjuangan*. Kuala Lumpur: Pertubuhan Jamaah Islam Malaysia.
- Saari Sungib. (1995). *Tugas Pengislahan Satu Tuntutan, dalam Aktivisme JIM 1993-1995*. Kuala Lumpur: Pertubuhan Jamaah Islam Malaysia.
- Saari Sungib. (1997). *Menempatkan Misi Pengislahan Dalam Transformasi Arus Perdana, Ucapan Dasar PPN 1997*. Kuala Lumpur: Pertubuhan Jamaah Islam Malaysia.
- Saari Sungib. (1998) Ucapan Dasar PPN. 22 November 1998. *Sambutan 50 Tahun Jubli Emas PAS Malaysia 1951-2001*. Buku Cenderamata 2001. PUTIK. Kelantan.
- Siddiq Fadzil. (1990). 'Keprihatinan Umat Dalam Senario Politik 90-an'. *Ucapan Dasar Mukhtar Sanawi ABIM ke-19*. Petaling Jaya: Universiti Islam Antarabangsa. 10 Ogos.
- SP 28 / A / 109. PAS Dewan Ulama. Kuala Lumpur. Arkib Negara Malaysia. *Suara Persatuan Ulama Malaysia* (1997).
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1972). *Islam Dalam Sejarah Dan Kebudayaan Melayu*. Penerbit UKM. Bangi.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1993). *Islam and Secularism*. cet.2. ISTAC. Kuala Lumpur.
- ^Ucapan Dato' Hassan Adli Arshad (MP PAS Bagan Datuk, Perak. (1982). Dewan Rakyat Malaysia. *Penyata Rasmi Dewan Rakyat*. Parlimen Ke-5. Penggal Ke-4. Jld. IV. Bil.4. 12 Mac 1982.
- ^Ucapan Dato' Kamarudin Jaffar (MP PAS Tumpat, Kelantan). (2002). Dewan Rakyat Malaysia. *Penyata Rasmi Dewan Rakyat*. Parlimen Ke-10. Penggal Ke-3. Mesyuarat Ke-3. Jld.III, Bil.86. 27 Jun.

- Ucapan Tun Dr Mahathir Mohammad. (1986). Mantan Perdana Menteri Malaysia Semasa Merasmikan Muzakarah Kesedaran Islam Pegawai-Pegawai Kerajaan di Pusat Islam. Kuala Lumpur. 14 Februari.
- Ucapan Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat. (1982). MP PAS Pengkalan Chepa. Kelantan. Dewan Rakyat Malaysia. *Penyata Rasmi Dewan Rakyat*. Parlimen Ke-5. Penggal Ke-4. Jld.IV. Bil.12. 10 Mac.
- Ucapan Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat (1984). Dewan Rakyat Malaysia. *Penyata Rasmi Dewan Rakyat*. Parlimen Ke-6. Penggal Ke-2. Jld. II. Bil. 68. 6 Disember.
- Ucapan Al-Mursyidul 'Am PAS. (2012). Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat. Kota Bharu. Kelantan. 12 September.
- Ucapan Dasar Muktamar Sanawi ABIM ke-19. (1990). Siddiq Fadzil,. Presiden ABIM. "Pengislaman Dunia Melayu". Dewan Al-Malik Faisal. Petaling Jaya. Universiti Islam Antarabangsa. 9-11 Ogos.
- Utusan Melayu*, (2016). Mendepani Cabaran Perubahan Sosial. 30 Ogos.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (1995). *Penjelasan Budaya Ilmu*. cet.3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Warta Darul Iman*, Bil. 54. 8 September 2002.
- Watan*, 27 Julai 1992.
- Yaziz Kasran. (2018). *Temu bual bersama anggota Jamaah Islah Malaysia*. Bertempat di kediamannya Bandar Baru Salak Tinggi. Pada 28 Disember 2018 jam 4.30 petang.
- Yusof Al-Qardhawi. (2009). *Agama dan Politik, Wawasan Ideal dan Menyanggah Kekeliruan pemikiran sekular-liberal*. (Terj.) Hj. Ghani Shamsuddin. Kuala Lumpur: Alam Raya Enterprise.
- Yusof Rawa. (1985). *Bertindak menentang kezaliman*. Kuala Lumpur: Pejabat Agung PAS.
- Zulkiple Abd. Ghani dan Muhammad Faisal Ashaari. (2008). "Budaya popular dan pengaruhnya kepada generasi muda Islam". Dalam *Prosiding Seminar Antarabangsa Dakwah dan Perkembangan Belia*. disunting oleh Abdul Ghafar Don. Kuala Lumpur: YADIM.